

Headline	Kes baru HIV di M'sia menurun		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	04 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	6	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	102 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 198
Frequency	Daily	PR Value	RM 594



Kes baru HIV di M'sia menurun

GEORGE TOWN: Kerajaan yakin negara akan mencapai sasaran penurunan kes baru HIV kepada 11 kes bagi setiap 100,000 penduduk sebelum tahun 2015, kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Hasan Abdul Rahman.

Beliau berkata mulai 2003, jangkitan baru HIV mula menunjukkan penurunan secara konsisten sehingga mencapai 12.8 bagi setiap 100,000 penduduk pada 2010.

“Saya amat yakin bahawa negara akan dapat mencapai sasaran itu, sebelum 2015 dan ia mungkin jadi kenyataan lebih awal dari itu,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Persidangan Aids Kebangsaan Kedua di sini kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengarah Kesihatan negeri Datuk Dr Teh Lei Choo.

Dr Hasan berkata kes tertinggi dilaporkan pada 2002 iaitu sebanyak 28.5 kes bagi setiap 100,000 penduduk.

Dr Hasan berkata bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, sebanyak 1,570 kes baru

HIV dilaporkan dan dianggarkan menjelang akhir tahun ini, sebanyak 3,140 kes baru HIV akan dikesan.

“Ini akan menjadikan anggaran kes pada tahun ini 11 kes bagi (setiap) 100,000 penduduk,” katanya.

Beliau berkata di Malaysia, sehingga 2010, seramai 91,362 orang telah dilaporkan dijangkiti HIV dan dari jumlah tersebut seramai 16,532 telah mengalami fasa Aids dan seramai 14,298 orang telah meninggal dunia.

“Ini menjadikan mereka yang masih hidup dengan HIV pada akhir 2010 seramai 77,064 orang,” katanya.

Bagi mencapai matlamat mengurangkan jangkitan HIV di kalangan rakyat negara ini, Dr Hasan berkata orang ramai terutamanya kumpulan berisiko tinggi digalakkan melakukan ujian pengesanan dan saringan.

Katanya, pengesanan awal memberi impak positif dengan memastikan rawatan awal diberi kepada pesakit, langkah pencegahan kepada pasangan dan memastikan amalan berisiko dihindari melalui langkah pencegahan yang berkesan. -Bernama